

Mahasiswa sertai demonstrasi tidak waras
Utusan Online
Januari 04, 2012

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Golongan mahasiswa yang menyertai demonstrasi adalah kumpulan yang mahu mengejar populariti sehingga sanggup mengikut telunjuk pihak tertentu.

Selain itu, mereka juga disifatkan golongan tidak waras kerana rela menggadaikan masa depan dan menghancurkan keharmonian negara.

Menurut tokoh akademik, **Tan Sri Ibrahim Abu Shah**, golongan tersebut tidak ramai tetapi pengaruhnya amat besar terhadap pelajar yang kurang pengetahuan tentang isu semasa.

"Mereka pandai memanipulasi keadaan untuk menarik perhatian mahasiswa lain dan amat menyedihkan mereka ini adalah golongan Melayu yang lazimnya pengakhiran pengajian mereka amat lemah," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas sikap segelintir mahasiswa yang menyertai perhimpunan haram anjuran Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, baru-baru ini.

Dalam pada itu, tokoh akademik, **Prof. Madya Dr. Za'faran Hassan** menegaskan, mahasiswa sekarang amat mudah diperalatkan oleh pihak tertentu kerana tidak memiliki ilmu pengetahuan tinggi dan tidak mahu berfikir panjang.

"Jika ada sebarang berita disampaikan oleh kawan-kawan mereka ataupun daripada laman blog, mereka tidak akan selidik sumbernya sebaliknya terus mempercayainya.

"Malah mereka ini mempunyai sikap angkuh, tidak suka ditegur kerana beranggapan golongan muda lebih mempunyai maklumat apabila menguasai teknologi berbanding golongan tua," katanya.

Kata beliau, golongan tersebut juga adalah mereka yang mahu popular dan dilihat sebagai juara walaupun mereka tahu kesan negatif yang akan dihadapi sama ada dalam pengajian, keluarga dan negara

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0104&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm